

07 JUN 1998

Umno-Kedah

UMNO KEDAH TIDAK MAHU PERTANDINGAN JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALANNYA

ALOR SETAR, 7 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah mencadangkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan pada pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

Pengerusinya Tan Sri Sanusi Junid berkata mesyuarat jawatankuasa badan itu malam tadi sebulat suara bersetuju dengan usul itu kerana kepimpinan yang ada masih berkemampuan menerajui parti.

Umno Kedah akan membawa usul ini pada perhimpunan agung Umno yang bermula 19 Jun ini.

Sanusi yakin usul itu akan mendapat sokongan seratus peratus semua perwakilan.

Malahan beliau berpendapat pertandingan juga harus dielakkan lagi untuk beberapa penggal akan datang bagi memantapkan keutuhan parti untuk sama-sama menangani masalah yang lebih besar, kemelut ekonomi negara.

Pemilihan pucuk pimpinan Umno peringkat pusat diadakan setiap tiga tahun sekali.

"Tidak perlu kita memperlagakan Presiden dan Timbalannya untuk memberi tekanan supaya beliau (Dr Mahathir) mengundur diri," katanya di sini.

Menurutnya setiap pertandingan yang dielakkan bukan bermakna Umno menidakan proses demokrasi tetapi adalah lebih baik mengelakkan demokrasi yang akan mencetuskan percakaran sesama sendiri yang berpanjangan.

Sanusi berkata disebabkan itu juga beliau tidak bertanding merebut jawatan ketua bahagian pada pemilihan lepas.

Katanya beliau tidak bertanding bukan kerana arahan Majlis Tertinggi (MT) yang melarang anggotanya bertanding tetapi keputusan itu dibuat sejak setahun sebelum pemilihan lagi dengan melarang anggota exco negerinya bertanding jawatan ketua bahagian.

Jika beliau melarang orang lain bertanding bermakna beliau turut melarang dirinya sendiri demi ingin melihatkan perpaduan Umno terus kukuh.

-- BERNAMA

MN RON